



**PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA**

NOTIS CABUTAN UNDI BIL 1/2021

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk **Cabutan Undi Bil 1/2021** bagi projek seperti berikut :

2. Sehubungan dengan itu, semua **Kontraktor Bumiputera Gred G1** yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**), Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) serta telah **mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** di dalam Gred Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan serta berminat adalah dijemput (tertakluk kepada syarat-syarat dibawah) untuk menghadiri sesi pengundian seperti ditetapkan berikut:

Sesi Pendaftaran Kontraktor Undian

TARIKH / WAKTU PENDAFTARAN : 4 Mac 2021
(9.00 pagi – 1.00 petang)
(2.00 petang – 4.00 petang)
TEMPAT PENDAFTARAN : PDTSPU (Ruang Legar Foyer)

Sesi Cabutan Undi Bil. 1/2021 (*Online Facebook Live*)

TARIKH CABUTAN UNDI : 11 Mac 2021
WAKTU MULA : 3 petang
PAUTAN : Facebook PDTSPU
<https://www.facebook.com/PDTSPU/> atau dengan carian pada
Facebook: @pdtspu

3. Hanya kontraktor yang mendaftar pada hari tersebut sahaja yang layak untuk diundi bagi perolehan kerja yang dinyatakan diatas. **Wakil tidak dibenarkan daftar mengundi.**

4. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi **dimestikan membawa Sijil Asal PKK, CIDB, Kad Pengenalan dan slip pendaftaran sistem e-perolehan yang masih sah** pada hari pendaftaran.

5. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa dan syarat yang ditetapkan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“CEKAP, AKAUNTABILITI & TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD HAFIZUDDIN BIN MOHD RIDOWAN)

Penolong Pegawai Daerah (P)

b.p. Pegawai Daerah, SPU